ڤجابت دايره دان تانه ڤراق تڠه، سري إسكندر
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH.
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH SERI ISKANDAR,
32610 BANDAR BARU SERI ISKANDAR,
PERAK DARUL RIDZUAN.

No. Telefon : 05-3712095
No. Fax : 05-3712080
Laman Sesawang : http://pdtseriiskandar.perak.gov.my

Ruj. Tuan : 00060651/2018/03
Ruj. Kami : PTPK/10/A/PPJ/2024/6
Tarikh : 26 Jun 2024

PENGURUS
LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
BAHAGIAN PEMANTAUAN DAN PEMULIHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR
AWAM KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN NO. 9 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKETUAN
62592 PUTRAJAYA
**WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

MOHD NADZRI BIN KAMSIN
NO. 70 JALAN HARMONI 4
TAMAN DESA HARMONI
32600 BOTA
**PERAK**

Tuan,

**PERINTAH JUALAN KALI PERTAMA ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN DI BAWAH SEKSYEN 263, KANUN TANAH NEGARA 1965 KE ATAS HAKMILIK GERAN MUKIM 9003 LOT 52174 MUKIM BOTA, PERAK TENGAH**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk siasatan yang diadakan pada 25 Jun 2024, jam 10:45 pagi bertempat di Pejabat ini. Bersama surat ini dilampirkan "Perintah Jualan Atas Permintaan Pemegang Gadaian" (Borang 16H) bertarikh 25 Jun 2024, ke atas hartanah seperti yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan penjualan secara Lelongan Awam bagi hartanah ini akan diadakan pada **hari Rabu, 20 haribulan November 2024, jam 10:00 pagi bertempat di Perkarangan Lobi Pejabat, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, 32610 Bandar Seri Iskandar, Perak dengan harga rizab RM 230,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).**

3. Permohonan untuk menangguhkan jualan atau untuk membatalkan perintah jualan oleh pemegang gadaian dengan persetujuan pengadai hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 264A KTN dengan melengkapkan Borang 16O dan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir

Tanah tidak lewat daripada **tujuh (7) hari sebelum hari lelongan** dengan fi bayaran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja).

4. Pemegang Gadaian hendaklah mematuhi peruntukan seksyen 264(2) dan seksyen 266A Kanun Tanah Negara untuk mendepositkan (a) **gadaian pendua**; (b) **dokumen hakmilik keluaran** dan (c) **Borang 16Q** kepada Pentadbir Tanah, **tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan** itu. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan Seksyen 264(2) dan Seksyen 266A KTN akan mengakibatkan penjualan lelongan awam ditangguhkan dan kos pada masa itu ditanggung oleh Pemegang Gadaian.

5. Tuan boleh menghubungi pentadbir tanah untuk urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Ruj. Tuan : 00060651/2018/03
Ruj. Kami : PTPK/10/A/PPJ/2024/6
Tarikh : 26 Jun 2024

Saya yang menjalankan amanah,

**( NURUL HUDA BINTI AZIZAN )**
PENOLONG PEGAWAI DAERAH
b.p. Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar

s.k. MOHD NADZRI BIN KAMSIN
31 LALUAN MERU PERDANA 21
TAMAN MERU PERDANA 2
CHEMOR
31200 CHEMOR
**PERAK**

PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA
RAIMY FUAAD AQIS
NO. 30A (TINGKAT 1 & 2)
JALAN KAMARUDDIN ISA
FAIR PARK
31400 IPOH
**PERAK**
(Ruj : RFA/LPPSA/L/10704/22/ZAR)

TERIMA
10 JUL 2024
RAIMY
FUAAD AQIS

PTPK/10/A/PPJ/2024/6

KANUN TANAH NEGARA

BORANG 16H
(Seksyen 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, NURUL HUDA BINTI AZIZAN, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965, dengan ini perintah supaya dijual *~~tanah~~ / bahagian tanah yang tidak dipecahkan / ~~pajakan / pajakan kecil~~ yang diperihalkan di dalam Jadual Tanah di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan -

(a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada **20 haribulan November 2024, 10:00 pagi** bertempat di **Perkarangan Lobi Pejabat, Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar, 32600, BOTA, PERAK**; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah **RM 230,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja);**

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian / ~~pemegang-pemegang gadaian~~ pada tarikh ini ialah **RM 606,792.14** kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM.**

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas, iaitu **RM 23,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Tiga Ribu Sahaja)**;

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya -

(i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan, dalam masa tidak lebih daripada **satu ratus dua puluh (120) hari** daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat daripada tarikh **20 Mac 2025** dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit

di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267A Kanun Tanah Negara 1965.

Tarikh : 25 Jun 2024

**Pentadbir Tanah,**
**Daerah Perak Tengah**
**Negeri Perak Darul Ridzuan**

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN

| *Bandar/ Pekan/ Mukim | No. *Lot/ Petak/ P.T. | Jenis dan Nombor Hakmilik | Bahagian Tanah (jika ada) | No. Berdaftar *pajakan/ pajakan kecil (jika ada) | No. Berdaftar Gadaian (jika ada) |
|---|---|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) |
| Mukim Bota | Lot 52174 | Geran Mukim 9003 | Semua Bahagian | Tiada | No.Pers: 10SC468/2018<br><br>Tarikh: 18/05/2018 |
| | | SATU (1) HAKMILIK SAHAJA | | | |